



KETUA PENGARAH
DIRECTOR GENERAL
Unit Perancang Ekonomi
Economic Planning Unit
Jabatan Perdana Menteri
Prime Minister's Department
Block B5 & B6
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62502 PUTRAJAYA
MALAYSIA



EPU
ECONOMIC PLANNING UNIT
PRIME MINISTER'S DEPARTMENT MALAYSIA

Telefon : 603-8872 5433
Telefax : 603-8888 3755

Ruj. Tuan:
Your Ref.:

Ruj. Kami:
Our Ref.:

UPE(P) 11/
109/18 Jld. III(9)

Tarikh:
Date:

25 Ogos 2016

Ketua Setiausaha,
Kementerian Kerja Raya Malaysia,
Blok A, Kompleks Kerja Raya,
Jalan Sultan Salahuddin
50582 KUALA LUMPUR.

Ketua Pengarah,
Jabatan Kerja Raya Malaysia,
Tingkat 33, Menara Kerja Raya (Blok G),
Jalan Sultan Salahuddin,
50480 KUALA LUMPUR.

YBhg. Dato' Sri,

**PENGECUALIAN DARIPADA MENDAPATKAN KELULUSAN
JAWATANKUASA STANDARD DAN KOS (JSK) BAGI MELAKSANAKAN
PROJEK BANGUNAN KERAJAAN DI BAWAH RANCANGAN MALAYSIA
KESEBELAS (RMKe-11) OLEH JABATAN KERJA RAYA (JKR).**

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada surat permohonan YBhg. Dato' Sri bilangan (4)JKR(CA)18/PEK-TEK bertarikh 16 Ogos 2016 serta Pekeliling Unit Perancang Ekonomi (UPE), Jabatan Perdana Menteri(JPM) Bil. 1 Tahun 2015.

2. Seperti yang YBhg. Dato' Sri sedia maklum, Pekeliling UPE, JPM yang tersebut di atas telah mensyaratkan supaya kelulusan Jawatankuasa Standard dan Kos (JSK) diperolehi sebelum melaksanakan projek-projek bangunan Kerajaan Persekutuan.

3. Walau bagaimanapun, surat YBhg. Dato' Sri seperti di atas memohon supaya semua projek yang dilaksanakan oleh JKR diberi pengecualian mendapatkan kelulusan daripada JSK bagi mempercepatkan pelaksanaan projek di bawah RMKe-11.

4. Setelah mempertimbangkan permohonan tersebut, UPE, JPM bersetuju supaya projek-projek bangunan bernilai RM5.0 juta hingga RM50.0 juta dan projek ubahsuai bangunan bernilai RM1.0 juta ke atas yang dilaksanakan oleh JKR dikecualikan daripada mendapatkan kelulusan JSK.

5. Pengecualian ini diberi khusus kepada projek-projek yang dilaksanakan oleh JKR sahaja, tertakluk kepada syarat-syarat seperti berikut:

- a. projek-projek bangunan yang dilaksanakan adalah bagi tempoh RMKe-11 sahaja;
- b. projek-projek berkenaan mematuhi skop kerja dan siling kos yang telah diluluskan oleh UPE, JPM;
- c. butir-butir mengenai jumlah keluasan kasar ruang lantai, bahan binaan, spesifikasi dan bahan kemasan dan peralatan hendaklah mematuhi:
 - i. Buku Garis Panduan dan Peraturan Bagi Perancangan Bangunan oleh JSK Edisi 2015 sebagaimana yang dinyatakan di dalam Pekeliling UPE, JPM Bil. 1 Tahun 2015;
 - ii. Pekeliling, peraturan dan arahan lain yang sedang berkuatkuasa.
- d. reka bentuk bangunan hendaklah sesuai dan berfungsi serta tidak mengandungi *frills* yang berlebihan dengan susun atur yang berpanduan kepada matlamat menjimatkan kerja tanah dan infrastruktur luar bangunan;
- e. semua bahan binaan, kemasan dan peralatan yang akan digunakan hendaklah dari bahan buatan dan keluaran tempatan kecuali bahan, kemasan dan peralatan yang tidak dikeluarkan atau dipasang di dalam negara;
- f. kelulusan yang diberikan adalah tertakluk kepada apa-apa pindaan atau perubahan dasar yang berkaitan dengan JSK pada masa hadapan; dan
- g. Seksyen Pengurusan Nilai, UPE, JPM selaku Urus Setia JSK berhak untuk menyemak dokumen atau lukisan-lukisan projek yang terpilih dari semasa ke semasa sekiranya perlu.

6. Untuk tujuan pemantauan dan rekod, satu salinan pelan lakar arkitek, pelan tata atur tapak, surat pengesahan bahawa semua peraturan dan garis panduan yang tersebut di Perenggan 5 di atas telah dipatuhi dan satu salinan Cabutan Butir-butir Yang Telah Ditender (ATDA) bagi setiap projek hendaklah dikemukakan kepada Urus Setia JSK seperti alamat berikut:

Urus Setia,
Jawatankuasa Standard dan Kos (JSK),
Seksyen Pengurusan Nilai,
Unit Perancang Ekonomi,
Aras 5 Blok B6, Kompleks Jabatan Perdana Menteri,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,
62502 PUTRAJAYA.

7. Sukacita kami mengingatkan, Jabatan Audit Negara adalah bebas untuk membuat auditan terhadap projek-projek ini dan sekiranya didapati terdapat peraturan yang tidak dipatuhi yang melibatkan tambahan kos, pegawai-pegawai yang terlibat adalah tertakluk kepada tindakan sewajarnya yang boleh dikenakan mengikut prosedur sedia ada.

8. Dengan pengecualian ini, Ketua Pengarah Kerja Raya adalah bertanggungjawab memastikan semua prosedur, amalan, peraturan dan kehendak Surat Pekeliling/Pekeliling Perbendaharaan yang sedia ada serta syarat-syarat tersebut di atas dipatuhi sepenuhnya.

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"



(DATUK SERI DR. RAHAMAT BIVI BINTI YUSOFF)

Salinan kepada:

Ketua Setiausaha Negara,
Pejabat Ketua Setiausaha Negara,
Aras 4, Blok Timur, Bangunan Perdana Putra,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,
62502 PUTRAJAYA.

Ketua Setiausaha Perbendaharaan,
Kementerian Kewangan Malaysia,
No.5 Persiaran Perdana, Presint 2,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,
62592 PUTRAJAYA.

Ketua Audit Negara,
Jabatan Audit Negara,
No.15, Aras 1-5, Persiaran Perdana, Presint 2,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,
62518 PUTRAJAYA.